

Seni bina makam dalam tamadun Islam

TAJ MAHAL di India adalah satu daripada binaan makam dalam seni bina Islam yang menjadi tumpuan pelancong dari seluruh dunia.

Seni bina ini juga amat sinonim dalam kalangan pengunjung sebagai lambang cinta seorang suami kepada isterinya.

Selain daripada kisah cinta, Taj Mahal juga dikaitkan dengan keindahan reka bentuk binaan yang menjadi kekaguman para pelancong sehingga ke hari ini.

Reka bentuk yang memiliki semua elemen seni bina Islam seperti menara, kubah, dewan utama, taman, pancuran air dan sentuhan hiasan mewah seta indah berlatarkan batu marmar putih membaluti keseluruhan bangunan ini menjadikan monumen itu tidak jemu dipandang mata.

Selain Taj Mahal, terdapat

Kesenian islam



Oleh **DR. ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA**
Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia
rosmahwati@ukm.edu.my

pelbagai lagi bentuk seni bina makam dalam dunia Islam yang mungkin kurang diketengahkan kepada orang ramai.

Seni bina makam yang berkembang dalam sejarah seni Islam merupakan seni dihasilkan bagi melindungi kubur atau kawasan sekitar kubur kerana dianggap penting oleh masyarakat setempat.

Terdapat pelbagai bentuk dan bahan yang digunakan dalam pembinaan makam dalam wilayah Islam terutama di kawasan Afrika Utara, Asia Barat, India dan Parsi.


Selain bentuknya yang mirip dengan kompleks masjid seperti digunakan dalam pembinaan Taj Mahal, terdapat seni bina tunggal berbentuk seperti kubah banyak ditemukan di kawasan Parsi.

Seni bina makam berbentuk menara ini dikatakan telah diamalkan sejak sebelum Islam dan masih diteruskan oleh pemerintah Islam pada zaman awal di wilayah ini.

Satu daripada seni bina makam berbentuk menara tertua dalam sejarah Islam ialah Gonbad-e-Gabus. Ia merupakan seni bina yang dihasilkan bagi melindungi makam Putera bernama Abol-Hasan Qabus ibn Wusmagir ibn Ziyar Sams al-ma'ali.

Reka bentuk menara setinggi 72 meter di Kota Golestan, Teheran, Iran ini mempunyai bentuk seperti pensel yang mempunyai 17 meter diameter. Seni bina makam ini telah diwartakan dalam senarai warisan dunia sejak 2012.

Satu lagi reka bentuk makam dalam dunia Islam adalah berbentuk kubus yang berkubah. Reka bentuk makam ini boleh ditemui di wilayah Bukhara, Uzbekistan



REKA bentuk makam Dinasti Samanid di Bukhara yang dibina menggunakan batu bata.

yang dinamakan Makam Samanid.

Walaupun mempunyai reka bentuk asas yang ringkas, namun ia tidak seringkis disangka. Keempat-empat sisi bangunan ini disokong oleh menara yang menjadikan reka bentuknya unik, namun ringkas.

Walaupun kelihatan berbentuk segi empat tetapi ruang pada bahagian dalamnya berbentuk bulat. Ia mempunyai pintu masuk di keempat-empat bahagian sisi bangunan.

Bangunan makam ini mempunyai perincian hiasan amat cantik yang diperbuat daripada batu bata. Hiasan ini dikaitkan dengan Dinasti Samanid yang memerintah kawasan Bukhara pada abad ke-9 Hijrah.

Manakala dalam alam Melayu juga terdapat beberapa bentuk binaan makam ringkas yang didirikan bagi menandakan dan melindungi kawasan kubur sesetengah golongan pemerintah atau tokoh ulama terdahulu.

Ia menggunakan konsep sama iaitu dibina sekitar kawasan kubur tanpa binaan yang berat di atas kubur secara langsung. Kubur di bahagian dalam selalunya adalah dalam bentuk asal.

INFO

SENI BINA MAKAM

- Bertujuan melindungi kubur atau kawasan sekitar kubur yang dianggap penting oleh masyarakat setempat.
- Reka bentuk seni bina makam dalam tamadun Islam
 - ◆ Berupa masjid
 - ◆ Berbentuk menara
 - ◆ Berbentuk kubah
 - ◆ Berbentuk kubus
- Antara seni bina makam berbentuk menara tertua dalam sejarah Islam ialah Gonbad-e-Gabus di Kota Golestan, Iran.
- Antara reka bentuk makam berbentuk kubus yang berkubah adalah Makam Samanid di Bukhara, Uzbekistan.

MAKAM Gonbad-e-Gabus di Iran adalah makam berbentuk menara yang tertua.

